

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I) 6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

6. Masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Kulim semakin serius.
- (a) Terangkan status terkini tentang rancangan menaik taraf Jalan Kulim.
  - (b) Nyatakan masalah dan halangan yang menyebabkan projek tersebut masih tidak dilaksanakan.
  - (c) Sila kemukakan kajian dan cadangan yang telah dibuat untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di sekitar jaringan Jalan Kulim.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Pada masa ini, reka bentuk bagi cadangan menaik taraf Jalan Kulim telah disiapkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Susulan penyiapan reka bentuk, pembinaan projek ini akan dimulakan setelah kelulusan peruntukan untuk pembinaan dan pengambilan tanah diperolehi;
- (b) Projek ini tidak menghadapi sebarang masalah atau halangan. Susulan penyiapan reka bentuk projek, pihak JKR kini menunggu kelulusan peruntukan dari Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan pembinaan dan pengambilan tanah oleh Pejabat Daerah dan Tanah. JKR akan menender projek ini untuk tujuan pembinaan selepas selesai proses pengambilan tanah.

Kesemua proses ini perlu dipatuhi bagi memastikan kelancaran projek.

- (c) Antara kajian dan cadangan bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di sekitar jaringan Jalan Kulim adalah seperti berikut:
- (i) Pelebaran Jalan Kulim dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong;
  - (ii) Menaik taraf Jalan Kampung Besar menjadi jalan tunggal dua hala mengikut spesifikasi JKR;
  - (iii) Membina jalan baharu yang menghubungkan Jalan Murthy dengan Jalan Muthu Palaniappan;
  - (iv) Hasil Kajian Impak Lalulintas yang dilaksanakan oleh pemaju Total Vista Sdn. Bhd, Berkat Dasar Bumi Sdn. Bhd. dan GTM Land and Properties Sdn. Bhd. seperti yang disyaratkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), pihak pemaju perlu melaksanakan pelebaran Jalan Kulim di hadapan cadangan pembangunan; dan
  - (v) Menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan bas percuma Congestion Alleviation Transport (CAT) Bukit Mertajam bermula 10 April 2018. Laluan CAT Bukit Mertajam adalah seperti berikut :  
Jalan Aston – Jalan Kulim – Jalan Maju – Jalan Song Ban Kheng – Jalan Betek – Jalan Betek 1 – Lorong Tembikai 1 – Jalan Nangka – Jalan Permatang Batu – Jalan Perda Barat – Jalan Perda Utama – Jalan Permatang Rawa – Jalan Ciku

